

PM jumpa pelabur terkemuka

Kerajaan komited teroka usaha sama strategik merentas sektor ekonomi utama

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu beberapa pelabur terkemuka di Putrajaya petang kelmarin bagi meneroka peluang pelaburan strategik merentas sektor ekonomi utama.

Menerusi hantaran di Facebook, beliau berkata, ia sebagai ikhtiar untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi dan mendukung visi yang terkandung dalam Ekonomi MADANI.

"Kebijakan Ekonomi MADANI adalah sebuah kerangka wahana yang jelas dan komprehensif bagi memungkinkan sebuah tatanan (sistem) ekonomi negara yang mampan dan terangkum sebagai usaha dan upaya kerajaan dalam meningkatkan tahap kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

"Visi ini menekankan peri penting penyertaan sektor swasta dan pelabur untuk memacu pertumbuhan ekonomi, menggalak daya inovasi dan juga mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti serta berdampak tinggi," katanya.

Anwar yang juga Menteri Ke-



wangan berkata, perjumpaan itu disertai beberapa pelabur yang berpengaruh pada peringkat antarabangsa dan terkenal dengan sumbangan mereka kepada pembangunan ekonomi serta syarikat yang berjaya.

Antaranya pengasas bersama Facebook, Eduardo Saverin dan Ketua Pegawai Eksekutif Bersama B Capital, Raj Ganguly; Pengasas WM Partners, Alejandro Weinstein serta Pengasas European Venture Funds, Peter Kadas.

Berkongsi pandangan

Anwar berkata, kehadiran mereka bukan sahaja mempamerkan keyakinan terhadap Kerajaan Perpaduan dan prospek ekonomi negara, malah membuktikan Malaysia mempunyai daya tarikan sebagai destinasi pelaburan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, perjumpaan yang pertama seumpama itu membuka peluang untuk beliau dan pelabur terbabit berkongsi pandangan serta meneroka kerjasama bagi mencapai matlamat ekonomi negara.

"Perbincangan turut menyentuh soal peluang bagi meneroka pelaburan dalam sektor utama seperti teknologi dan inovasi, tenaga yang boleh diperbaharui,



Anwar bersama beberapa pelabur turut membincangkan usaha memupuk persekitaran untuk menggalakkan pelaburan langsung asing bagi manfaat Malaysia dan rakyat di Putrajaya, kelmarin (Foto ihsan PMO)

pembangunan infrastruktur, pelancongan serta hospitaliti dan pembuatan," katanya.

Beliau berkata, sesi itu turut berkisar usaha memupuk persekitaran bagi menggalakkan pelaburan langsung asing, memperkemas peraturan dan proses serta meningkatkan tata kelola selain memastikan kemampanan jangka panjang.

"Pertemuan itu turut menekankan kepentingan tanggungja-

wab sosial dan pertumbuhan inklusif dengan komitmen untuk mengutamakan inisiatif yang memberi manfaat kepada masyarakat tempatan serta menyumbang kepada agenda pembangunan mampan," katanya.

Perdana Menteri berkata, usaha berterusan kerajaan adalah menyediakan persekitaran mesra pelabur yang memupuk inovasi, melindungi harta intelek serta menggalakkan

kerjasama antara sektor awam dan swasta.

"Saya turut membuka ruang untuk pelabur mengenal pasti peluang pelaburan yang sejajar dengan matlamat strategik di samping memenuhi keperluan masyarakat.

"Ini adalah asas untuk potensi kerjasama dan pelaburan yang memberikan manfaat ekonomi yang besar untuk Malaysia dan rakyat," katanya. BERNAMA